



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
USTAZ MUHAMMAD FAIZAL BIN JUSOH  
PEMBANTU TADBIR PONDOK LUBUK TAPAH PASIR MAS

OLEH:

ALIF DANIEL BIN SOLAHUDDIN

2017300867

MOHAMAD NAIF SYAHMI BIN NASRAN

2017348829

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2019 – JULAI 2019)

IMR 604

USTAZ MUHAMMAD FAIZAL BIN JUSOH

MAC 2019 – JULAI 2019



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
USTAZ MUHAMMAD FAIZAL BIN JUSOH  
PEMBANTU TADBIR PONDOK LUBUK TAPAH PASIR MAS**

**OLEH:**

**ALIF DANIEL BIN SOLAHUDDIN**

**2017300867**

**MOHAMAD NAIF SYAHMI BIN NASRAN**

**2017348829**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2019 – JULAI 2019)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
USTAZ MUHAMMAD FAIZAL BIN JUSOH  
PEMBANTU TADBIR PONDOK LUBUK TAPAH PASIR MAS**

**OLEH:**

<b>ALIF DANIEL BIN SOLAHUDDIN</b>	<b>2017300867</b>
<b>MOHAMAD NAIF SYAHMI BIN NASRAN</b>	<b>2017348829</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2019 – JULAI 2019)**

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapatlah kami menyiapkan tugas projek ini bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan di dalam subjek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah yang telah banyak memberikan bimbingan dan nasihat sehingga tugas ini dapat disiapkan. Penghargaan dan terima kasih juga kami ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan dan ahli keluarga yang banyak memberi sokongan dan bantuan bagi melengkapkan tugas ini.

Akhir sekali, harapan kami agar tugas yang kami hasilkan ini dapat menambah ilmu pengetahuan kepada pengkaji sejarah pada masa akan datang. Akhir kalam, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah membantu kami sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan tugas ini dan Semoga Allah SWT memberikan balasan yang lebih baik kepada kalian.

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata Tokoh	iv
Pengenalan	v
Transkrip	
• Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh	1-2
• Bahagian 2: Sejarah Pendidikan	3
• Bahagian 3: Kerjaya Terkini	4-5
• Bahagian 4: Sejarah Bangunan	6-12
• Bahagian 5: Maklumat Lain Mengenai Bangunan	13-25
• Bahagian 6: Reka Bentuk Bangunan	26
• Bahagian 7: Aktiviti Dan Perkhidmatan	27-42
• Bahagian 8: Maklumat Penganugerahan Dan Kejayaan	43-45
• Bahagian 9 : Pesanan Dan Harapan	46-54
Lampiran	
• Lampiran 1 Log Wawancara	vi
• Lampiran 2 Diari Kajian	vii
• Lampiran 3 Senarai Soalan	viii
• Lampiran 4 Gambar bersama tokoh	ix
Surat Perjanjian	x
Rujukan	xi
Indeks	xii



# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar dan bersama Ustaz Faizal mengenai sejarah bangunan Madrasah Ar-Rahamaniah Ad-Deeniah Pondok Lubok Tapah yang terletak di Pasir Mas Kelantan. Sekolah pondok ini adalah sekolah pondok tertua di Kelantan yang dibina pada tahun 1931 dan pengasas pondok ini ialah Tuan Guru Abdullah Abdul Rahman yang juga merupakan seorang ulama yang disegani di alam melayu. Setelah pemergian beliau, sekolah ini di tadbir oleh anak beliau Dr. Ustaz Hj Lukman bin Hj Abdullah. Dalam temubual ini, pihak kami sempat bertanyakan soalan bermula dengan latar belakang tokoh mengenai sejarah penubuhan bangunan.*

**Kata kunci:** *Kelantan, ulama, sekolah pondok, sejarah bangunan,.*

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH

<b>PERKARA</b>	<b>PENERANGAN</b>
Nama Penuh	USTAZ MOHD FAIZAL BIN JUSOH
Alamat	Pondok Lubok Tapah
No Kad Pengenalan	820411-03-5659
Umur	37 Tahun
Taraf pendidikan	Lulusan Pondok
Jawatan	Pembantu Tadbir dan Tenaga Pengajar
Tarikh mula berkhidmat	2012

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Penggunaan Sejarah Lisan sebagai satu alat pengajaran yang belum digunakan dengan sepatutnya di dalam negara kita. Sejarah Lisan ini berdasarkan kepada pengalaman seseorang yang terlibat dalam peristiwa-peristiwa penting dan segala maklumat ini sungguh bernilai di dalam memahami peristiwa-peristiwa yang mungkin saling berkait. Sejarah Lisan adalah sesuatu yang unik kerana ia dapat memberi kesan kepada emosi dan pemikiran si pendengar. Pita rakaman dan transkrip sejarah lisan boleh menghidupkan cara mengajar di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pengajian yang lain. Tidak dinafikan melalui pameran, bahan-bahan yang dipetik dari buku-buku dan filem-filem sebagai satu cara pengajaran yang berguna di dalam kelas. Walau bagaimanapun, nilainya terhad kepada keadaan pameran yang statik. Melalui pita-pita rakaman wawancara dengan tokoh-tokoh tertentu yang pernah memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat boleh memberi suatu gambaran yang berkesan untuk memahami sejarah tersebut. Rakaman-rakaman ini boleh menggambarkan perkara-perkara bersejarah yang telah berlaku di samping ianya dapat menggambarkan aspek-aspek masyarakat yang sukar untuk dipamerkan.

Untuk menyiapkan tugas yang diberikan kepada kami iaitu bangunan bersejarah di negeri Kelantan, kami sepakat memilih Madrasah Ar-Rahamaniah Ad-Deeniah Pondok Lubok Tapah yang terletak di Pasir Mas, Kelantan. Sebelum mencapai kata sepakat untuk memilih tempat ini, kami membuat kajian menyeluruh mengenai sejarah bangunan tersebut di internet dan mendapati bahawa tempat ini mempunyai sejarah nya yang tersendiri. Dengan membuat sedikit kajian sebelum mengadakan sesi temuramah bersama tokoh yang kami hubungi, kami dapat menyediakan soalan-soalan yang mampu menyingkap sejarah bangunan tersebut. Sesi temuramah ini di jalankan pada 5 Mei 2019 bertempat di Madrasah Ar-Rahamaniah Ad-Deeniah Pondok Lubok Tapah dan kami berkesempatan menemuramah seorang ustaz yang juga pembantu tadbir di madrasah ini. Dengan ini, kami telah berjaya merakam perbualan bersama beliau dan menterjemah setiap sebutan dan perkataan sehingga lengkapnya tugas ini.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan oleh seorang tokoh mengenai latar belakang dan sejarah di Madrasah Arrahmaniah Adiniah Pondok Lubuk Tapah Pasir Mas Kelantan. Bersama-sama kami ialah Ustaz Faizal bin Jusoh yang memegang jawatan sebagai Pembantu Tadbir di Madrasah Arrahmaniah Adiniah Pondok Lubuk Tapah Pasir Mas Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 5.5.2019 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 9.10 minit pagi bertempat di Madrasah Arrahmaniah Adiniah Pondok Lubuk Tapah Pasir Mas Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Alif Daniel Bin Solahuddin dan juga Mohamad Naif Syahmi Bin Nasran. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan..

Petunjuk:

UF:Ustaz Faizal

AD:Alif Daniel

NS:Naif Syahmi

**AD : Nama penuh ustaz?**

UF : Jadi namanya Muhammad Faizal bin Jusoh asal daripada Melor, Kota Bharu.

**AD : Ustaz lahir di mana?**

UF : Lahir di Melor Kota Bharu.

**AD : Hospital ke rumah?**

UF : (ketawa) Dalam surat beranak lahir di rumah Kampung Hutan Buloh Melor.

**AD : Adakah ustaz mempunyai nama gelaran?**

UF : Di sini? Ustaz Faizal, Ustaz Ja atau Abe Ja.



**AD : Pada bulan dan tahun berapakah ustaz dilahirkan?**

UF : *Beranok* [dilahirkan] pada 11/04/1982 (bunyi telefon dan menjawab panggilan)

**AD : Di manakah ustaz dibesarkan?**

UF : *Besar* [dibesarkan] di Melor, Kampung Hutan Buloh Melor.

**AD : Di manakah ustaz menetap sekarang?**

UF : Sekarang ni menetap di Pondok Lubuk Tapah.

**AD : Rumah ustaz dekat sini?**

UF : Saya khidmat di sini, dia bagi pondok. Pondok *kelamin* [keluarga] orang panggil atau pondok keluarga jadi kita kalau kerajaan panggil kuarters jadi saya menetap di sini la.

**AD : Nama ibu dan bapa ustaz?**

UF : Ibu Azizah binti Mohamed, bapa Jusoh bin Muhammad

**AD : Ayah ustaz tenaga pengajar di sini ke dahulu?**

UF : Tidak.

**AD : Berapakah bilangan adik-beradik ustaz?**

UF : *Enam* [6] Saya ni anak *kedua* [2].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

AD : **Di manakah ustaz bersekolah rendah?**

UF : Dulu sekolah di Sekolah Kebangsaan Melor.

AD : **Dari tahun?**

UF : Darjah *satu* [1].

AD : ***Sembilan belas tujuh puluh satu* [1971]?**

UF : Tidak, saya *beranak* [lahir] *sembilan belas* [19] *bulan dua* [2] .Darjah *satu* [1] *sapa* [sampai] darjah *enam* [6] di Sekolah Kebangsaan Melor.

AD : **Di manakah ustaz bersekolah menengah?**

UF : Pertama di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Melor Tingkatan *satu* [1] sampai tingkatan *tiga* [3], *pahtu* [selepas itu] saya pindah ke Sekolah Menengah Teknik Kuala Krai.

AD : **Ustaz ambil jurusan apa?**

UF : Saya ambil jurusan elektrik.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: KERJAYA TERKINI

AD : **Apakah jawatan yang disandang oleh ustaz?**

UF : Sebagai pembantu tadbir dan tenaga pengajar.

AD : **Subjek khusus yang ustaz mengajar?**

UF : Kita di pondok ini dia mengajar semua umum. Pertama mengaji quran *pahtu* [selepas itu] keduanya kitab. Kitab ni banyak, Kitab Fiqh, Usuludin, Tasawuf, Hadis, Nahu, Toraf. Jadi bila kita mengaji semua itu *kita boleh* [dapat fahami] semua. Kita baca setakat kita mampu makna kitab bawah-bawah fiqh lain-lain kecil-kecil *kita boleh baca* [boleh mengajar] ke orang atas mampu kita. Kalau kita boleh tasawuf, kita mengajar tasawuf. Di pondok macam itu lah diterapkan.

AD : **Ada berapa subjek?**

UF : Banyak Fiqh, Usuludin, Al-Quran, Tauhid, Fiqh, Tasawuf, Tafsir, Hadis Sirah, Nahu, Sorof, Balaghah Matiq, banyak la tengok di sini (sambil menunjukkan senarai kitab).

AD : **Semua pelajar wajib ambil?**

UF : Jadi pelajar kita kelas pagi dipanggil kelas wajib bagi ikut tahap. Ada kelas peralihan, selepas itu kelas peralihan *dua* [2] hafal mantan-mantan. Tahap *satu* [1] belajar kitab juga. Tahap *tiga* [3] mengaji kitab Jawi Besa. Bila habis arab *tiga* [3] masuk hadis. Ada kelas masjid, kelas umum, untuk semua pelajar dengan orang kampung dan ada jadual dia. Lepas zohor, lepas maghrib ikut kitab.

AD : **Bilakah ustaz mula bekerja di sini?**

UF : Lepas Tok Guru meninggal tahun *dua ribu sepuluh* [2010].

AD : **Adakah ustaz mempunyai kerja lain selain di sini?**

UF : Tiada. Sepenuh masa di sini.

AD : **Macam mana ustaz boleh terlibat dengan pondok?**

UF : Kebetulan ada ustaz berhenti, ustaz dilantik oleh pengerusi sendiri Tuan Loqman. Dia tengok calon-calon yang layak dengan *basic* [asas] yang kita ada, sebab *jabat* [pejabat] ini tugasnya main dengan komputer.

AD : **Tok Guru lantik?**

UF : Dengan izin dia. *Ana* [saya] pun tak pandai juga, *mugo* [sebab] mengaji ini lama dah tinggal, pondok ini kena jaga biar kekal insyaAllah.

AD : **Semua lantikan di sini lantikan Tok Guru?**

UF : *Hom* [iya] dia lantik.

AD : **Umi (isteri kepada arwah Tok Guru) umur berapa tahun?**

UF : 80 [lapan puluh] lebih.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### BAHAGIAN 4: SEJARAH BANGUNAN

AD : **Apakah nama asal madrasah ini?**

UF : Pondok Lubuk Tapah, selepas itu ada pembaharuan dan *Ana* [saya] pun tiada lagi di sini.

AD : **Tempat ini diberi semperna nama kampung ini?**

UF : *Hom* [iya] Kampung Lubuk Tapah. Jadi kita ini Pondok Lubuk Tapah sekitar Kampung Lubuk Tapah.

AD : **Siapa yang bagi nama Madrasah Annahiya?**

UF : Kita apa-apa kita mesyuarat dulu, ada barisan organisasi dulu *huk* [yang] sekarang ini apa keputusan mesyuarat dahulu Kita mesyuarat ada pengerusi. Selepas itu, keputusan ramai-ramai, melalui keputusan mesyuarat la nak bubar.

AD : **Ustaz tahu maksud Madrasah Arrahmaniah?**

UF : Tak tahu dan tak pasti juga.

AD : **Bilakah pondok ini ditubuhkan?**

UF : Tahun *sembilan belas tiga puluh dua* [1932].

AD : **Tujuan sekolah pondok ditubuhkan?**

UF : Untuk sebar ilmu.

AD : **Lokasi sebenar sekolah ini?**

UF : Sebelum ini masa dulu ada *balasoh* [surau] selepas sungai depan sungai melintas tali air jadi tempat pengajian situ dahulu. Arwah Baba tengah sakit buat surau di sini . *hok* [yang] baru ni dulu ada gambar.

AD : **Tahun bila?**

UF : Saya lupa, tiada maklumat.

AD : **Bangunan madrasah yang baru ini dah lama dibuat?**

UF : Tengah buat lagi dalam *dua* [2] tahun lebih sikit lagi, tapi di sini dahulunya masjid.

AD : **Masjid dengan surau bersebelahan?**

UF : *Haah* [iya] dulu tiada lagi, selepas itu, bila ramai orang datang, kita buat masjid mukim.

AD : **Peletakan batu asas bangunan ini ustaz tahu?**

UF : Tak tahu, cuma nak buat bangunan baru ini ada la buat sedikiit sembahyang hajat, letak batu asas tanda jadi *start* [mula] buat bangunan in. lima [5] bulan empat [4] 2018 lebih kurang, selepas itu, letak tanda asas *start* [mula] naik bangunan bulan *empat* [4].

AD : **Siapakah yang meletakkan batu asas?**

UF : Datuk Luqman tarikh mula roboh *sebelas september dua ribu tujuh belas* [11.9.2017].

AD : **Pindah lokasi tahun bila?**

- UF : Tiada *info* [maklumat] mengenai itu, saya tiada lagi. *Sembilan belas tiga puluh dua* [1932] saya kecil lagi.
- AD : **Maahad Muhamadi di kira pondok juga?**
- UF : Dulu la, tapi kita lama lagi.
- AD : **Pondok Lubuk Tapah ada di bawah naungan siapa?**
- UF : Berdaftar dengan majlis agama selepas itu berdaftar dengan *JAKIM* [Jabatan Agama Islam Malaysia] dan kerajaan negeri. Cuma kita swasta, tadbir sendiri bawah *monitoring* [pengawasan] dia. Bila kita daftar dia tengok la, *supo* [seperti] tadbir ini kita urus.
- AD : **Keluasan tapak sekolah?**
- UF : Semua sekali *tujuh* [7] ekar campur dengan orang kampung dan asrama *gapo* [apa] lebih kurang itu lah.
- AD : **Kira kat sini ada *lapan* [8] blok bangunan?**
- UF : Lebih *kure* [kurang] itu la kalau rujuk di sini *lapan* [8] (menunjukkan senarai bangunan).
- AD : **Ada had umur tak nak masuk di sini?**
- UF : Kita ada syarat pengambilan *tiga belas* [13] hingga *dua puluh* [20], lepas itu tiada masalah dengan sekolah tahfiz, tiada masalah disiplin *gapo* [apa] ,akhlak baik dan boleh ikut peraturan pondok

**AD : Lebih 20 boleh masuk?**

**UF** Setakat 20 *jah* [sahaja] tapi lebih *dua puluh* [20] kita *tapise* [tapis] la tengok kalau okay ikut peraturan. Warga emas *lima puluh* [50] ke atas *mari* [datang] nak belajar kita terima.

**AD : Syarat dia memang tak boleh merokok ke?**

**UF** Merokok ni punca segala-galanya. Fatwa ada bagi tahu rokok ini haram kita *tok lebai* [imam] tidak *molek* [bagus] hisap rokok kedai kopi. Kita imam nak bagi ikutan orang jadi tak *molek* [bagus]. Semua pondok tak *buwi* [bagi] hisap rokok.

**AD : Kalau kanto memang kena buang terus?**

**UF** Memang tiada maaf.

**AD : Lama dah ke ustaz buat begitu?**

**UF** : Lama dah sebelum *ana* [saya] di sini lagi pondok ni haramkan rokok.

**AD : Sebelum fatwa haram?**

**UF** : Fatwa ni dalam tahun *dua ribu* [2000] haramkan rokok.

**AD : Sebab utama berlaku perpindahan lokasi?**

**UF** : Kerana nk tampung jumlah pelajar sebab *balasoh* [surau] dahulunya kecil.



**AD** : **Berapa orang surau boleh muat?**

**UF** : Kecil *jah* [sahaja] dalam *tiga puluh* [30] orang.

**AD** : **Tak lepas solat jumaat?**

**UF** : *Tokde* [tak] sebab kecil.

**AD** : **Masjid yang baru ini berapa boleh tampung?**

**UF** : Baru ni banyak juga, *dekat* [hampir] seribu juga.

**AD** : **Jemaah pelajar?**

**UF** : Jemaah masjid sampai *loni* [sekarang].

**AD** : **Kalau asrama?**

**UF** : Pelajar lelaki dalam *tiga ratus* [300] kalau penuh sebab satu bilik muat *tiga* [3] orang.

**AD** : **Perempuan juga?**

**UF** : *Pue* [perempuan] pun sama dalam *tiga ratus* [300] juga.

**AD** : **Pengasas utama sekolah ini?**

**UF** : Yang buka pondok ini ayah kepada Tuan Guru Hj Abdullah arwah baba Tuan Guru Hj Abdul Rahman. Dia buka pondok dari tahun *sembilan belas tiga puluh dua* [1932] hingga *sembilan belas lapan puluh sembilan* [1989] pengasas pertama [1]. Dia *ngaji* [belajar] dengan Tok Kenali dan sambung di Mekah *empat* [4] tahun dan selepas itu balik ke sini.

**AD** : **Penaung disini asal dari salasilah sini juga ke?**

**UF** : Dia la orang pertama mengajar *balasoh* [surau] ini.

**AD** : **Penaung Doktor Luqman ada salasilah berkait ke?**

**UF** : Kiranya *tok nye* [moyang] dia la. Haji Abdul Rahman datuk kepada Doktor Luqman. Tuan Guru Abdul Rahman meninggal dia ambil alih *sembilan belas tiga puluh enam* [1936] hingga *dua ribu lapan* [2008]. Dia belajar dengan ayah dia dan selepas itu sambung di Mekah dalam *empat belas* [14] tahun tak pernah balik.

**AD** : **Macam mana dia boleh balik selepas itu?**

**UF** : Baba tenat dan tak sihat. Dia pun yakin dengan ilmu dia, selepas itu balik ganti tugas ayah dia.

**AD** : **Kaitan dengan Tok Guru Nik Aziz?**

**UF** : Dia selalu datang sini. Tok Guru Nik Aziz mengaji dan *mari* [datang] nak tanya pendapat

**AD** : **Tok Guru Nik Aziz belajar sini ke?**

**UF** : *Dok* [tidak] dia datang sebagai *saen* [kawan].

**AD** : **Rumah Tok Guru Nik Aziz kat mana?**  
**UF** : Pulau Melaka. Dia selalu *mari* [datang ke] sini buat majlis dengan kerajaan negeri dulu.

**AD** : **Sekolah ni ada objektif tak?**  
**UF** : Matlamat ada belakang ini, boleh *copy* [tiru] *hoktu* [yang tu] (sambil menunjukkan sehelai kertas).

**AD** : **Sebab apa pilih kawasan ini?**  
**UF** : Sebab tanah Tok Guru wakaf tanah ayah dia.

**AD** : **Berapa lama masa diambil untuk siapkan sekolah ini?**  
**UF** : Tiada *info* [maklumat].

**AD** : **Nak bangunkan sekolah ni ada masalah tak?**  
**UF** : Orang kampung sampai hari ni tak setuju. *Supo* [serupa] la mana-mana masjid tepi rumah pun tak pergi. Di sini mengajar *dua puluh empat* [24] jam dari pagi tiada orang. Hidayah itu tak sampai lagi (senyum sinis).

**AD** : **Orang kampung tak setuju la ni?**  
**UF** : Tiada *info* [maklumat] tapi ada bunyi la.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN**

**AD : Berapa bilangan bilik darjah terdapat di sekolah ni?**

UF : *Dua* [2] blok lelaki dan perempuan di atas *tiga* [3] perpustakaan jadinya lima [5] kelas (jawab panggilan).

**AD : Kos pembayaran elektrik setiap bulan berapa purata?**

UF : Banyak. Urus sekali dengan bil air api dalam *empat atau lima* [4/5] ribu juga. Asrama *pue* [perempuan] kita serah kepada pejabat *pue* [perempuan] urus. Purata 10 ribu sebulan (bunyi muzik).

**AD : Ada pelajar dengan tiada pelajar sama ke?**

UF : Tiada pelajar kurang sikit *mugo* [sebab] penggunaan kurang.

**AD : Elaun perkhidmatan?**

UF : Itu urusan mudir.

**AD : Elaun ustaz tetap setiap bulan?**

UF : Tetap setiap bulan.

**AD : Ada berapa orang pengurusan majlis tertinggi?**

UF : Pertama pengerusi Haji Luqman. Kedua mudir Ustaz Hamdan selepas itu Umi Mudirah Hajah Kamariah. *Ana* [saya] ini bahagian pentadbiran selepas itu pecah kepada rajnaj-rajnaj tarbiah dan dakwah rajnah kebersihan.

**AD : Ustaz-ustaz amik satu bidang untuk urus?**

UF : Rajanah pelajaran ada ustaz urus.

**AD : Ada musyawarah berbincang?**

UF : Kalau ada bincang jemput semua kecuali disiplin kita mesyuarat sebulan sekali.

**AD : Biasa disiplin hal *gapo* [apa]?**

UF : Disiplin ini macam-macam la rokok, hal curi, tak masuk kelas, tak turun masuk jemaah, balik tak minta izin. *Lapan belas* [18] ke bawah ni kita tak benarkan guna telefon kecuali ada urusan dia mari hubungi ibu bapa di pejabat.

**AD : Ada *student* [pelajar] bawa tinggal di pejabat?**

UF : Ada yang bawa itu serah di sini.

**AD : Bila balik baru boleh ambil?**

UF : Balik baru boleh ambil. Muslimin lelaki tinggal disini telefon tu *pahtu* [selepas itu] dia boleh ambil.

**AD : Masa cuti boleh ambil telefon?**

UF : Cuti kita tak belajar. Jadi pondok apabila cuti, disiplin tak ketat.

**AD : Cuti jumaat sabtu ke?**

UF : Hari jumaat cuti. Selepas itu balik sebulan sekali.

**AD : Sekali itu berapa hari?**

UF : Bergantung kepada tempat, kalau luar Kelantan seminggu, kalau dalam Kelantan, *dua atau tiga* [2/3] hari.

**AD : Berapa ramai tenaga pengajar di sini?**

UF : *Tiga puluh tiga* [33] sekali ustazah.

**AD : Berapa orang ustazah?**

UF : *Enam* [6] ustazah.

**AD : Kalau ustaz itu berapa orang?**

UF : *Dua puluh tujuh* [27] orang.

**AD : Tenaga pengajar asal sini ke ada dari luar negara?**

UF : Thailand ada munduk, selepas itu daripada Kemboja *dua* [2] orang ustaz dan ustazah, suami *bini* [isteri].

**AD : Macam mana boleh datang ke sini?**

UF : Dia belajar sini selepas itu bila dah pandai dia *gati* [ganti] Tok Guru.

**AD : Selain mengajar perkhidmatan yang ada di sekolah ini?**

- UF : Pertama ilmu, kedua pondok dia ada macam-macam. Orang bayar *mitok* [minta] tolong bayar fidyah dan kerja-kerja *tok lebai* [Tok Imam].
- NS : **Ada buat mengajar ke?**
- UF : Ustaz-ustaz kita tidak terlibat. Dia pergi mengajar *rato-rato* [merata-rata].
- AD : **Atas jemputan la?**
- UF : Menjadi imam sekitar daerah Pasir Mas sahaja. Tidak *pade* [padan] jauh-jauh.
- AD : **Keluar Jemaah tabligh ada buat ke di sini?**
- UF : Tak buat, cuma kita galakkan jemputan pergi. Kita bagi kepada pelajar yang boleh
- AD : **Berapa lama masa tabligh ustaz?**
- UF : Dia bergantung la ada *tiga* [3] hari *tujuh* [7] hari, *empat belas* [14] hari, *empat puluh* [40] hari.
- AD : **Biasa tabligh di dalam pondok ke di luar?**
- UF : Bergantung tempat *kalu* [kalau] *ana* [saya] tak pernah tapi tengok kepada tujuan biasanya Salor, jauh sedikit di Rantau Panjang kalau jauh lagi di Pakistan atau Brunei.
- AD : **Dia pergi sendiri ke melalui jemputan?**
- UF : *Ana* [saya] pun tak pasti.

**AD** : **Daripada *dua puluh tujuh* [27] ini berapa pelajar asal disini dahulu?**

UF : *Semo* [Semua] kebanyakannya belajar sini. Bila pandai Tok Guru suruh mengajar supaya bila pandai bagi ilmu ke orang lain pula.

**AD** : **Guru jadi imam sekitar Pasir Mas ini?**

UF : *Kebanyakanyo* [kebanyakannya] *ime* [imam] kita jadi *ime* [imam] sekitar Pasir Mas.

**AD** : **Pelajar luar negara ada ke ustaz?**

UF : Kemboja *dua puluh empat* [24] orang lelaki dan perempuan. Daripada Thailand *lima* [5] orang.

**AD** : **Macam mana dia tahu tempat ini?**

UF : *Mugo* [sebab] lama dah *ana* [saya] pun tak pasti mungkin *info* [maklumat] orang ramai.

**AD** : **Ada hubungan dengan pondok-pondok luar negara?**

UF : Kita ada masa kita ziarah, kita ziarah la. Hubungan itu ada istimewa bawah Pertubuhan Pondok Kelantan (PBB). Bawah pondok Kelantan ini ada *tiga puluh* [30] pondok dan semuanya di bawah persatuan ini *monitor* [mengawasi] pondok bawah-bawah dia.

**AD** : **Pondok ini ketua pondok pondok lain?**



Tidak. Tok guru ramai mengajar dan buka *balasoh* [surau] di tempat utama ini.

**AD : Pihak sekolah ada tak terima kunjungan pihak luar?**

UF : *Mari* [datang] zairah kita terima tapi kalau bercanggah kita tak terima.

**AD : Ziarah biasa dari mana datang?**

UF : Macam baru ini Brunei *mari* [datang]. Bulan puasa baru ni Singapore dan Indonesia.

**AD : Orang besar [orang kenamaan] ke yang datang?**

UF : *Hom* [Ya] orang-orang lama Tok Guru, ulama-ulama sentiasa kunjungi pondok kita mari nak tanya macam-macam.

**AD : Anggaran setahun berapa kali kunjungan?**

: Tiada rekod.

**AD : Bajet?**

UF : Masa arwah Tok Guru dulu banyak. Zaman *sekat* [setakat] kita pegang ni *sepuluh* [10] kali melalui rombongan secara rasmi.

- AD** : **Masa ziarah aktiviti apa yang dibuat?**
- UF** : *Mari* [Datang] nak tengok pondok macam awak. Aktiviti kita pertamanya hubungkan silaturahim contohnya Majlis Agama Islam Sabah buat sesi suai kenal takruf di tempat dia. Selepas itu untuk sebar ilmu nak bagi hidayah dan cerita pengalaman.
- AD** : **Pernah tak sekolah ini ditimpa bencana alam?**
- Banjir baru ini *dua ribu empat belas* [2014] tapi dua kali dah banjir *dua ribu empat* [2004] sekali.
- NS** : ***Dua ribu empat* [2004] *gele* [tenggelam] habis ke?**
- UF** : *Sekat* [setakat] ni (sambil tunjukkan paras dada). Itu sebab kita buat bangunan baru ni nak buat tinggi-tinggi.
- NS** : **Jambatan tu *litah* [lintas] air tak?**
- UF** : Tidak. *litah* [lintas] air di Lemal sahaja. *Geretok* [jambatan] Lemal itu boleh lalu sebab rendah sahaja paras air.
- AD** : **Berapa hari banjir itu berlaku?**
- Banjir *sembilan* [9] hari.
- AD** : **Sekolah tutup masa itu?**
- UF** : Masa itu lepas kem cuti sekolah tapi pondok tak cuti. Pelajar masa tu ramai *kelik* [balik] mujur, Alhamdulillah jadi tak ramai la masa itu.

**AD : Banyak bangunan yang rosak?**

UF : Tiada. Cuma air kuning *selut* [lumpur] barang-barang *tokde* [tak sempat] nak alih sebab kitab-kitab *lembek* [lembik].

**AD : Ustaz ada di sini ke masa itu?**

UF : *Ho* [iya] duduk sini tapi *tok lari* [tidak meninggalkan], tahu air *litah* [melintasi] ramai yang lari, tapi tak apa tahu orang akan cari kita juga kalau ada apa-apa.

**AD : Ustaz naik atas ni (sambil menunjukkan kearah bangunan)?**

UF : Saya duduk di tingkat *tiga* [3]. Awal tahun ni baru turun di bawah. Yang duduk bawah semua naik ke atas masa itu. Asrama kita, asrama ustaz, asrama lelaki jadi tempat pemindahan. Orang-orang yang berada di hujung kampung ramai-ramai datang ke sini. Nasib baik masa itu budak sekolah tiada, jadi orang kampung boleh masuk ke sini.

**AD : Orang kampung naik di situ juga?**

UF : *Aah* [iya], orang yang rumanhnya tenggelam datang ke sini.

**AD : Jadi pusat pemindahan?**

UF : *Aah* [iya], jadi pusat pemindahan, orang mari hantar makanan melalui askar, dan helikopter, selepas itu banyaklah mari makanan bantuan.

- AD : Antara kerosakkan yang berlaku masa itu?**
- UF : Tiada yang berat-berat la, cuma barang-barang di bawah la, macam kitab, *handbag* [beg tangan] *mok-mok* [ibu-ibu] duduk di aras bawah tu kita tak sempat alih *belako* [semua]. Banyak kerosakkan kalau kira-kira tu dalam beribu jugak.
- AD : Enam ribu?**
- UF : Kita tiada anggaran.
- AD : Selepas banjir, langkah-langkah yang di ambil untuk elak masalah sama berlaku?**
- UF : Kita buat pencegahan, baru-baru ini buat pencegahan dengan bomba, di panggil siap sedia, kalau berlaku apa-apa kecemasan kita sudah bersedia, *po* [macam] hari itu *dua ribu empat belas* [2014], kita *panic* [cemas]. Air *smeta* [sekejap] naik, *panic* [cemas] habis orang. Kita runsing dengan budak *tino* [perempuan] jadinya. Pindah di sini, selepas itu rasa tak sedap hati, pindah *demu* [di sana] pula, tempat tinggi, tapi *panic* [cemas] la.
- AD : Pindah pakai sampan?**
- UF : Masa pindah itu, air tak dalam, air *sekat* [paras] pinggang. Selepas itu tak sedap hati takut air naik lagi, memang air *koho* [makin] naik, sampai takat ini (sambil tunjukkan dada) , saya runsing sebab saya terima *info* [maklumat], *Kerai* [Kuala Krai] habis dan di kuala Sele [Kuala Selam] Gua Musang. Kita runsing, istighfar, sembahyang, mintak dengan Tuhan, macam itulah. *Panic* [cemas] la orang panggil. Masjid tenggelam, susah nak angkat

karpas masjid, enjin air apa semua dan hanya simpan benda yang boleh simpan. Saya tolong orang, motor saya tak ingat dan ianya tenggelam, itu salah satunya.

**AD : Selepas itu motor tersebut duduk di situ atau beralih tempat?**

Moto tu *mapuh* [mati] dan tayarnya bocor, duduk di belakang asrama, tak ingat nak *alih* [ubah].

**AD : Tak beralih tempat la?**

UF : Tak, tenggelam air.

**AD : Pernah tak sekolah ini mengalami kerugian selain bencana alam?**

**Contohnya kebakaran?**

UF : *Tiga* [3] kali kebakaran terjadi di pondok ini, tahun *dua ribu* [2000]. Masa itu dengan arwah Tok Guru, tak ingat, lupa tahun berapa. Yang terbarunya asrama, tapak yang lapang masa awak nak datang *sakni* [tadi], di situ tapak asrama lama *jate* [lelaki], masa itu arwah Tok Guru ada lagi.

**AD : *Gano* [Bagaimana] boleh terbakar?**

Ianya punca daripada, dia *panah* [masak] air pakai gas, selepas itu tinggal pergi masuk ke kelas, sembahyang *gorib* [maghrib] sebab malam itu yang terbakar.

- AD** : **Dey [Sempat] kering la?**
- UF : Orang tiada, ramai pergi ke kelas. Pada masa itu pencegahan kebakaran tiada lagi, *fire extinguisher* [alat pemadam api] apa semua tiada.
- AD** : **Selepas itu pakai air? Macam itu sahaja?**
- Menimba dengan air, punca air pun payah nak dapat, bomba datang, nak masuk tak lepas, jambatan memang tak lepas.
- AD** : **Kecil?**
- Tak tahu la *design* [rekaan] orang dahulu, bas tak lepas. Bomba mari *kot nu* [di sana], nak masuk payah dah, nak cari air payah juga. Itu yang menyebabkan api jadi *koho berat* [makin teruk].
- AD** : **Habis so (satu) blok?**
- UF : Rumah orang terbakar sikit, di tepi asrama.
- AD** : **Kena pulak sekolah pondok?**
- UF : *Tiga* [3] kali pernah terbakar, asrama keluarga pernah terbakar, dahulu.
- AD** : **Itu di sebabkan apa pula?**
- UF : Barang elektrik, dulu ianya kayu dan dah pakai elektrik, cuma masalah *short wayar* [litar pintas].
- AD** : **Tiada kemalangan jiwa?**
- UF : Tiada, harta benda la tiada. Allah (Ustaz menguap).

- AD : Pernah tak sekolah ni dipecah masuk? Curi?**  
Curi? Tiada. Asrama ada la berlaku, antara budak-budak. Hilang *pitih* [duit], *talipon* [telefon] dan barang-barang jam yang mahal-mahal.
- AD : Kes macam ---**  
UF : Alhamdulillah tiada lagi. Setakat *ana* [saya] duduk, Alhamdulillah tiada. Minta jauh la benda macam itu, sebab pejabat ni ianya amanah besar.
- AD : Macam di kalangan ahli-ahli, ustaz-ustaz sendiri tak pernah la berlaku, penggelapan duit, pecah amanah?**  
UF : Tiada.
- AD : Selepas bomba datang, apa yang dia buat?**  
UF : Lepas bomba *mari* [datang], dia cari air, cari bekalan dahulu.
- AD : Kebakaran tu kan, Ustaz cakap dia letak *fire extinguisher* [alat pemadam api] pula?**  
UF : Dia bawa, dia sembur la dulu.
- AD : Sebelum ini ada?**  
UF : Ada, sebelum ini kita Alhamdulillah setiap bangunan tu ada *fire extinguisher* [alat pemadam api].

**AD** : Selain daripada itu? Macam air dari arah atas ke? *Water sprinkler*  
[pemercik air]?

**UF** : Oh, tiada.

**AD** : *Fire extinguisher* [alat pemadam api] sahaja?

**UF** : Kita buat latihan kebakaran dengan bomba dah banyak kali, bomba tunjuk ajar nak guna benda itu, kita buat kecemasan, tempat pelajar berlari berkumpul.

**TAMAT BAHAGIAN 5**



## BAHAGIAN 6: REKA BENTUK BANGUNAN

- AD** : Seterusnya reka bentuk bangunan ya Ustaz. Asal reka bentuk bangunan ni memang asal begini ke ada ubah suai?
- UF** : Dulu tiada, memang baru, batu ini yang baru la (menunjukkan kea arah bangunan). Dulu pejabat duduk di asrama madrasah lama. Selepas itu rumah Tok Guru pun papan dulu, asrama barunya ini la. Dulunya kayu, bila ada berlaku kebakaran, *wak naik batu* [bina menggunakan batu].
- AD** : Rekaan sekolah ini tersendiri ke ikut contoh pondok lain?
- UF** : Arwah Tok Guru dengan isteri dia la yang banyak *decoration* [hias], Atas Tok Guru la nak buat macam mana pun.
- AD** : Pada pendapat Ustaz, apakah keistimewaan reka bentuk bangunan ini?
- UF** : Kesitimewaan? Kesitimeawaan yang bagaimana?
- AD** : Macam surau dekat dengan *student* [pelajar]?
- UF** : *Aah* [iya] macam itulah lebih kurang. Memang jarak itu tak jauh. Jarak tempat dekat-dekat *blako* [semua]. Asrama *jate* [elaki] jauh sikit, dalam beberapa meter

TAMAT BAHAGIAN 6

## BAHAGIAN 7: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN

**AD : Aktiviti yang selalu diadakan di sekolah ni? Wajib ada?**

UF : Aktiviti? Kita utamanya, mengaji la disini, belajar, kelas dari pagi, tengah hari, petang, malam, itu lah aktiviti yang utama. Selepas itu macam riadah-riadah, kita tak bagi keutamaan. Pelajar, dia nak jogging boleh la sendiri-sendiri. Main badminton ke apa. Kalau bola ni arwah Tok Guru tak izin. Kalau arwah Baba dia Nampak dia akan *belah* [membelah] bola.

**AD : Sebab apa?**

UF : Bola ni pertamanya, dia permainan kalau kita tengok, kalau main tutup aurat tak apa, tengok di sini bersukan dengan seluar pendek, tak tutup aurat, dia *melaghokan* [melalaikan]. Arwah Tok Guru, dia tak bagi la kita ni budak-budak pondok main bola.

**AD : Benda lain tak apa?**

UF : Benda lain tak apa, jogging, main badminton, *decok-decok* [lompat tingting] boleh la.

**AD : Sekarang ini nak tanya, kalau tamat belajar di sini, sijil apa yang dia dapat?**

UF : Kita tiada sijil sini.

**Tiada sijil?**

Dia bukan macam universiti. Sijil surat akuan yang pernah berlajar di sini itu kita akan bawa keluar dan surat berhenti. Sijil itu, sijil syahadah pondok

bagi untuk orang yang pandai mengaji. Sijil syahadah tak laku di universiti cumanya membantu dan sesetengahnya nak sijil bidang akademik. Nak SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], STAM [Sijil Tinggi Agama Malaysia]. Jadinya sijil syahadah ini membantu untuk kelayakan kita. Sijil syahadah ini juga kalau di luar di Hadramaut Tarim di Habib Umar, ada satu pasentren atau pondoklah, Madrasah di panggil Ribat Tarim. Di situ laku sijil syahadah kita ni, dia nak masuk *toksea* [tak mahu] akademik, nak masuk di situ dia tengok pada akhlak kita, ilmu kita *setaro* [setara] mana. Ilmu itu bergantung pada syahadah kita, sijil itu dia buat dah, kita mengaji kitab mana, Kitab Feqah, Tasawuf, Ushuluddin dan bermacam lagi kitab. Sijil syahadah ini ada 3 tahap, tahap rendah, tahap menengah, tahap tinggi. Nak dapat sijil itu kita kena melalui tapisan Tok Guru. Tok Guru akan temuduga dahulu sedikit. Suruh baca kitab, suruh sayaarah, dia akan tanya. Dah lulus, kita pun buat Sijil Syahadah Pondok. Di Tarim laku la sijil ini, selepas itu nak masuk ke Tarim dia kena temuduga dahulu. Dia ada cawangan di Kuantan, jadi nak masuk, sebelum pergi ke Tarim, dia kena masuk di cawangan dia dahulu. Duduk di cawangan dia *tiga* [3] bulan, kena melepasi semua periksa, syarat-syarat dia dan baru boleh pergi ke Tarim di Yaman. Pertama tahajud kena bangun, tahajud parah [harus buat], wirid, poso, solat sunat lain-lain kena parah. *Sepuluh ribu* [10 000] atau *seribu* [1000] sehari, wirid kena baca, maksurat kena baca, macam-macam lah. Selepas itu, pengajiaan kena ikut *sokmo* [selalu], kelas dia, daurah dia kena masuk, ada *test* [ujian]. Selepas itu baru boleh pergi Hadramaut, Yaman di Habib Umar.

- AD** : **Pergi situ sendiri?**
- UF : *Aah* [iya] di situ tengok la kalau dia mintak bantuan kerajaan, dengan kerajaan, kalau sendiri, sendiri la.
- AD** : **Kiranya pondok di sini tidak *sponsor* [menaja]?**
- UF : Tiada.
- AD** : **Ramai ke yang *boleh* [dapat]?**
- UF : Lepasn Yaman ramai. Cumanya tak duduk sini lah, ada yang berhenti, ada yang mengajar. Kenal Ustaz Budak?
- AD** : ***Aah* [iya], kenal.**
- UF : Dia mengaji di Yaman dahulu.
- AD** : ***Hok* [yang] pakai *spek* tu?**
- UF : Dia duduk di Machang, Paloh Rawa. Orang panggil Ustaz Budak.
- AD** : **Pakai *spek* [cermin mata], kecik-kecik?**
- UF : Tu *hok* [yang] *ganu* [Terenggani], *spek* [cermin mata]. Rasanya Yaman juga Ustaz tu. Jadi ramai aliran pondok pergi sambung disitu. Yang sambung universiti tempat kita pun ada, *hok* [yang] akademik *molek* [elok] tu kan, yang ambik SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], STAM [Sijil Tinggi Agama Malaysia], sambung UIA [Universiti Islam Antarabangsa], UM [Universiti Malaya], UKM [Universiti Kebangsaan Malaya].

- AD** : **Kiranya Sijil Syahadah Ini membantu juga la?**
- UF : *Ho* [iya] Sijil Syahadah ini membantu kalau dia nak masuk ke universiti.
- AD** : **Kiranya masuk tempat Hadramaut itu *hok* [yang] hebat-hebat?**
- UF : *Ho* [iya], hebat la, *hok* [yang] lepasi tapisan.
- AD** : **Bukanya, baru-baru nak belajar?**
- UF : *Ho* [iya], bukan. *hok* [yang] baru nak belajar ni dia kena belajar dulu sini, di sini kena *beres* [selesai], maksurah, Al-Quran kena lancar, selepas itu nak pergi sana, dia kena sekurang-kurangnya 15 juzud hafalan dalam kepala, hadis, kena hafal dua ribu sekurang-kurangnya sayarat dia.
- AD** : **Ini mengenai pelajar sikit Ustaz, kalau macam ada kesalahan disiplin, macam adakah ada tindakan-tindakan diambil?**
- UF : Dia tengok kepada kelas, tiga kali kita bagi nasihat, kelas, sembahyang jemaah, 3 kali. Bila kita panggil, didapati gagal hadir kelas gagal, sembahyang jemaah, berterusan la, seminggu *tiada muko*[tak nampak], kita bagi nasihat, amaran 3 kali, tak dengar juga, kita suruh balik la, itu dari segi kesalahan utama. Selepas itu kesalahan yang berat, rokok, dadah, curi-curi, *gocoh* [bergaduh], kita suruh balik terus, tiada maaf.

**AD : Rotan ke apa tiada?**

UF : Rotan, *lani* [sekarang] tak berapa. Kita Malaysia banyak kes rotan, jadi kita tak berapa *galok* [galak] sebab *mokpok* [ibu bapa] buat *report* [laporan]. Hari itu pernah satu kali, *mokpok* [ibu bapa] buat *report* [laparan] kes rotan. Tapi itulah, bila *demo* [mereka] tak dengar kata, kita suruh *kelik* [balik], selesai masalah, *tpon* [telefon] *mokpok* [ibu bapa] suruh mari ambil bawa balik

**AD : Terpaksa balik la?**

UF : *Ho* [iya], sebab pondok banyak di Kelantan ni, pergi cari pondok lain pulak la.

**AD : Mudah.**

UF : Mudah. Kalau kita ambik tindakan demo [mereka] lawan kita *kelik* [balik]. Ada sesetengah, *gerok-gerok* [kejutkan] sembahyang kita pakai air.

**AD : Air?**

UF : Sembur air, yang tidak mahu bangun *benar* [sangat]. *Gerak empat ke lima* [4-5] kali tak bangun, *boleh nyakit* [mendapat hukuman] la selepas itu.

**AD : Setakat tembak air sahaja?**

UF : Tembak air macam itu sahaja, selepas itu kalau yang kes-kes kesalahan, kita suruh buat kerja la, cuci-cuci asrama, basuh tandas apa semua.

**AD : Macam cuci-cuci ni memang pelajar juga yang buat ke ada- - - ?**

UF : *Ho* [iya], di sini memang macam itu la, tidak ada *cleaner contract* [pembersih kontrak] untuk kebersihan. Di sini kita latih pelajar buat sendiri. Ustaz-ustaz kita ada buat gotong-royong. Seminggu *tiga* [3] kali gotong royong. Di asrama, pelajar-pelajar, ustaz-ustaz dia jaga sendiri, cuma bawah-bawah itu ada hari yang bertugas sapu sampah di tangga apa semua.

AD : **Seterusnya, bagaimana dengan makanan pelajar-pelajar?**

UF : Masak sendiri boleh, nak beli boleh. Yang *jate* [lelaki] boleh memasak, ada ruangan dapur gas untuk dia masak. Untuk bekalan beras-beras, minyak-minyak kena bawak sendiri la, *tino* [perempuan] ni ada kantin, dia boleh beli disitu.

AD : ***Hok* [yang] *jate* [lelaki] tak boleh beli di kantin?**

UF : Tak boleh sebab kawasan *tino* [Perempuan] *etek* [kan]. Di sini kita ada had, tak *supo* [macam] universiti. Dia ada had lelaki-lelaki, perempuan-perempuan. Tak campur.

AD : ***Pue* [Perempuan] tak boleh memasak?**

UF : Tak boleh, sebab dia ada kantin, jadi tak benar masak la, lelaki ni sebab tiada kantin. Kita ada perancangan nak buat, cuma tidak terbuat lagi. Jadi kita benarkan memasak dan beli di kedai-kedai dekat sini boleh la, nasi bungkus *gapa* [apa] tu.

- AD** : **Selepas itu, ada waktu had masuk dan keluar?**
- UF : Ada, masuk waktu belajar tak boleh keluar, selepas itu jadual balik sebulan sekali
- AD** : ***Limit* [terhad] masa nak masuk?**
- UF : Jadi pagar tutup pukul 11:30 malam, kita kunci, subuh esok baru kita bukak.
- AD** : **Kalau lambat tidur di luar?**
- UF : Kalau lambat itu biasa, tengok atas orang, biasa 11:30 tak masuk dah, dia mari pagi esok, pandai-pandai la. *Tepon* [telepon] warden untuk bukak pagar, warden pun kadang-kadang tak layan juga.
- AD** : **Macam yuran belajar Ustaz? Berapa?**
- UF : Yuran daftar RM160, selepas itu bulanan *tiga puluh lima ya* [35 Ringgit], api, air.
- AD** : **Setiap bulan?**
- UF : *Tiga puluh lima ya* [35 Ringgit] setiap bulan.
- AD** : **Setiap tahun meningkat ke sama?**
- UF : Ada sebelum ini *lima ringgit* [RM5], dulu la. *Sepuluh ringgit* [RM10] naik *lima belas ringgit* [RM15] naik *dua puluh* [20] ,*dua puluh lima* [25] , *tiga puluh* [30], akhir sekali *tiga puluh lima* [35].
- AD** : **Ikut keadaan semasa la?**



UF : *Ho* [iya], ikut keadaan semasa la sebab bil tu ada GST (Government Service Tax), SST [Sales & Service Tax], benda-benda macam itu la jadi bil api tu jumlah jadi besar. Kita terpaksa naik yuran la.

AD : **Macam tadi ada event untuk puasa tu, ada yuran di kenakan?**

UF : *Ho* [iya] peserta luar datang daftar *dua ratus* [200] sekali dengan makan minum dan api air.

AD : **Sebulan?**

UF : Tak sampai sebulan juga, sampai *dua puluh lima* [25] hari macam itulah, sebab kita *break* [berhenti] seminggu sebelum raya.

AD : **Semua balik la?**

UF : Hmm [mengiyakan].

AD : **Macam mana sekolah pondok ini menjana pendapatan?**

UF : Dari segi --- sebab kita ni lama dah, daripada arwoh Tok Guru Baba lagi, bertahun-tahun. Jadi dulu adalah ahli-ahli koperat, kadang-kadang bagi sumbangan la. Jadi sampai harini pun, adalah daripada itu *wi* [bagi] sumbangan.

AD : **Memang setiap tahun *wi* [bagi] la?**

UF : Itu urusan dia dengan mudir.

- AD** : **Macam jualan?**
- UF** : Kita ini dari segi bayar api kos-kos selenggara kita ada *tiga puluh lima* [35] *ya* [Ringgit] sebulan itu la.
- AD** : **Macam jualan itu tiada ke Ustaz?**
- UF** : Selepas itu, kita buka ejen *travel* [perjalanan] untuk pergi umrah, melancong, pergi tempat-tempat lain. Lintas Travel. Dulu kita dengan Al-Kuk.
- AD** : **Lani [sekarang] sendiri?**
- UF** : Lani [sekarang] kita bergabung juga. Kongsi, keuntungan itu kita bagi untuk pondok untuk dana pondok. Sumber-sumber kitab, pakaian ada la kita jual sikit-sikit. Tapi yang itu tak boleh menampung, sekadar macam itu sahaja la sikit-sikit.
- AD** : **Kitab itu *print* [cetak] di KB [Kota Bharu]?**
- UF** : Kitab ni kita buat di kuala Lumpur. Kita ada *share* [Kongsi] dengan kedai *print* [cetak] di kuala Lumpur. Kita *print* [cetak] di situ dan kita jual. Kitab-kitab Tok Guru kita ada 5 buah kitab. Kitab Kelabaan, Kitab sedia mukhallaf, Pedoman, Kemanisan, Kitab Risalah Doa. Kitab yang arwah Tok Guru tulis kita ada, jadi kita jual la *hoktu* [yang itu].
- AD** : **Kiranya kitab-kitab ni buat *pattern* [jenama] sendiri la macam daftar hak milik?**

UF : *Ha* [iya], *lani* [sekarang] kita ada cop kita. Cop di belakang kitab, kita buat logo Pondok Lubuk Tapah Ini kitab Tok Guru, karangan Tok Guru sendiri la. Tok Guru Haji Loh dengan Baba, jadi masyhur la kitab ni. Awak pergi Pondok Jabal Rawah pun ada jual kitab ini. Rawa pun ada jual kitab ni (sambil tunjuk kitab-kitab)..

AD : **Jabal?**

UF : Jabal Rawah Kota Bharu, kedai Kitab Jabal Rawah, atau mana-mana kedai kitab, dia ada jual. Ni kitab sifat *dua puluh* [20]. Ini dah habis stok dah, *lani* [sekarang] tengah nak buat macam ini (sambil menunjukkan kitab-kitab), kitab Pedoman. Kita buat logo sendiri, ini nama kedai kita *hok* [yang] kita share. Ini Kitab Pedoman, Kitab Risalah Doa, ini bacaan sembahyang *hok* [yang] fekah. InsyaAllah *hok* [yang] lain pun kita akan buat begini, ada logo. Nama kedai itu *Hayyan Creative Solution*. Ini dalam tengah proses tak siap lagi, mungkin ada logo kita, InsyaAllah (sambil tunjuk kitab).

AD : **Boleh Ustaz ceritakan sikit, kitab ni cerita pasal apa?**

UF : Ni pasal fekah ni, bab sembahyang, pedoman sembahyang berjemaah, bab fekah sembahyang, ini pun *hok* [yang] sembahyang jugak, kemanisan sembahyang, fekah jugak. Ini Sifat *Dua Puluh* [20], Persediaan Mukhalaf.

AD : **Sifat *Dua Puluh* [20] itu apa?**

UF : Wujud, Khidam, Bakkhoh. Kena tahu dia ada sayarah, *gapo* [apa] itu Wujud, khidam. Benda *hok* [yang] berlawanan dengan dia. Selepas itu, ini

risalah doa. Doa-doa yang Tok Guru tulis dia kumpul dalam satu kitab.  
Selepas itu ini wirid sudah sembahyang.

**AD : Kiranya kalau macam ustaz-ustaz yang nak mengajar di sini, dia datang jumpa dengan Tok Guru la?**

**UF :** Mari nak mengajar? Tiada orang nak mengajar. Memang ada permintaan nak mengajar tapi kita dah ada, kita tak ambil. Kecuali kita kenal dah, kita kadang-kadang payah nak terima orang mari minta *gitu* [macam itu]. Kita bukan oraganisasi, syarikat *supo* [seperti] – kerajaan atau swasta ni, nak kerja mintak. Kita ini macam ada kokosongan di sini, Tok Guru akan tawar la kepada anak-beranak ke atau ada kenalan *hok* [yang] boleh mengajar. Tawaran macam itu kebanyakan kepada *hok* [yang] kenal la. Orang luar *mari* [datang] kita tak ambik, tak kenal *etek* [kan].

**AD : Takut ajaran tak kena?**

**UF :** Sebelum ni orang arab mari mintak nak mengajar --- (sambil gelengkan kepala).

**AD : Ada ke berlaku ajaran budak-budak ini pergi belajar ilmu salah ke? Dengan syiah ke? Ada tak masalah sebegitu?**

**UF :** Sebelum ni tiada.

**AD : Tiada? Okay. Loni [sekarang] mari popular pulak sek-sek (kumpulan) itu. Sekarang beralih untuk mengenai Tok Guru Haji Abdullah. Apa**

**yang Ustaz tahu tentang kalau ada kelebihan atau karomah Tok Guru ini?**

UF : *Jekoh* [Menjerkah] anjing *mapuh* [mati]. Anjing itu datang ke rumah, kawasan pondok ni, banyak kali datang, Tok Guru marah la, *Jekoh* [Menjerkah] selepas itu *mapuh* [*mati*] anjing tu. “nate anjing ni *mapuh*” *mapuh sengoti* [mati sungguh].

AD : **Dia ada baca ayat apa-apa atau dia *oyak* [cakap] macam itu sahaja?**

UF : Arwah Tok Guru amalan banyak, mulut dia masin, jangan main-main dengan Tok Guru. Ada satu cerita, dia sakit dan *operate* [bedah] usus, doktor bawa pergi Perdana nak belah, tak lut mata pisau, tak *cekak* [larat] toreh, tak lut. Doktor *tubik* [keluar] *oyak* [cakap] ke isteri dia, tak boleh nak buat. Isteri dia *oyak* [cakap] “mintak izin dah ke? Sebelum bedah minta izin, selepas itu Doktor pergi bisik di telinga dan selepas itu baru boleh toreh.

AD : **Minta izin dahulu?**

UF : Antara karomah dia, tak lut. Banyak saya dengar cerita Tok-Tok Guru ini, tikam tak lut. Tok Guru di kedah, tembak tak lut. Orang tak suka dia, tembak tak lut. Tok Guru kuat berzikir di kedah tu. Berzikir-zikir dan orang kampung dengar *gegey* [bising] zikir ni. Orang kampung bosan, *baloh* [gaduh] dengan orang kampung. Tok Guru tak lawan orang, tapi benda itu dia teruskan juga. Pelajar-pelajar datang zikir, mengaji, orang nak marah. Selepas itu, tembak tak lut. *Bedil* [peluru] itu *jentak* [melantun] semula. Jadi amalan itu jangan main-main. *Ana* [saya] tengok Tok Guru di sini pun,

sudah sembahyang subuh, wirid, zikir. Selepas sudah sembahyang duha orang datang, maknanya masa dia padat. Dengan mengajar lagi, orang mari nak minta hajat, nak ambik air tawar, sesudah menganjar pukul *sepuluh* [10], orang penuh di tangga untuk minta hajat.

**AD : Minta tolong Tok Guru doa kan?**

UF : Minta sembahyang hajat, minta selesai masalah hal anak orang, *baloh* [bergaduh] orang datang, nak air tawar, ajak sembahyang mayat, macam-macam la. Arwah Tok Guru ni, masa orang mari, jarang dia tak menjamu, dia menjamu minum air, makan nasi. Dengan amal ibadat, kita ni bila mengaji ilmu Tasawwuf, dia ada makam untuk kita dekat dengan Allah. Rohani kita ni bila kita hampir sangat dengan Allah S.W.T nak tercabut rohani kita. Jadi roh dalam hati kita ni nak keluar, roh itu *hok* [yang] masuk diri kita. Selepas itu bila banyak sangat amalan kita ni, roh ni nak keluar, *toksey* [tak nak] duduk dengan kita ni, nak pergi mana?

**AD : Taktahu.**

UF : Nak pergi menghadap tuhan. Bila kita kuat amalan, banyak amalan ni, kita - - bila orang menginsafi diri, duduk beristighfar, tahajud apa semua, betul *dok* [tak]? Tiada benda lain kita nak, kita nak tuhan sahaja. Syekh Abdul Jaelani kata, aku kala ---Syekh Abdul Jaelani kenal? Wali-wali Allah, Syekh Abdul Jaelani kata kalau di beri pilihan antara Allah dengan dunia ni, aku pilih Allah, Sebab apa? Bila aku boleh Allah, dunia otomatik aku boleh. Syekh Abdul Jaelani ini ketua wali-wali.

**AD** : **Sebab itu orang baik pergi dulu?**  
**UF** : Sebab dia tawadhuk, roh nak keluar, sampai itu tahap makam. Kita ni orang muda tak sampai lagi saya rasa, tapi melalui macam-macam peringkat, umur, pengalaman. Orang-orang muda tak gelar Tok Guru lagi, Bila tua baru gelar Tok Guru, muda-muda ni panggil Ustaz, sesetengah panggil baba.

**AD** : **Kalau Tok Guru Baba, siapa anak murid dia yang masyhur dan orang kenal?**

**UF** : *Loni* [sekarang]? Banyak ni. Dulu masa zaman dia, Mufti Hasbullah. Dulu suatu ketika, Mufti Kelantan, anak murid dia. Kena *check* [periksa] balik la bila-bila. Selepas itu, *hok* [yang] buka pondok ramai, Tok Imam Masjid ni bukak pondok di Kabu. Tok Imam Zakaria bukak pondok jugak. Dr Mat Zain, Sultan Brunei *nak dia* [mahukan dia].

**AD** : **Nak jadi Mufti?**

**UF** : Nak dia medenganjar untuk Istana Brunei, dahulu dia bersyarah di Universiti Brunei, bila *sohor* [terkenal] Sultan *nak dia* [mahukan dia] .

**AD** : **Sultan mintak dia pergi? Dia pergi tak?**

**UF** : Selepas itu dia sambung beberapa tahun duduk di sana. *Loni* [sekarang] dia tak pergi, kudrat tak *pade* [kuat], dia *kelik* [balik] Kelantan, KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] *nak dia* [mahukan dia].

**AD** : **Kolej Islam?**

**UF** : KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] *nak dia* [mahukan dia], *loni* [sekarang] dia berkhidmat dengan KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra], *contact* [kontarak] setahun-setahun. Banyak tak hadir la sebab dia kesihatan tak *molek* [elok] kan.

**AD** : **Sebagai tenaga pengajar?**

**UF** : *Aah* [iya] KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra], ban yak la bukak pondok. Haji Mat Bakhi Osman di Pahang, buka pondok juga, dia dulu ahli Majlis Fatwa Pahang, selepas itu buka pondok.

**AD** : **Kalau mengenai kunjungan di raja? Antara Raja, kerabat-kerabat yang kunjung di sini?**

**UF** : Sultan Kelantan, Tunku Ismail, selepas itu anak dia Tengku Faris, selalu *mari* [datang] di sini, kerabat-kerabat dia, Tengku Temenggong.

**AD** : **Dia *mari* [datang] dengan protokol atau *mari* - - - ?**

**UF** : Itu la masalahnya, dia *mari* [datang] bagi dia *toksey* [tak mahu] protokol. Tapi bila dia nak *mari* [datang], berita itu cepat sampai, macam baru-baru ni dia nak *mari* [datang] macam itu sahaja, tapi berita sampai ke Majlis Daerah, pejabat *poklih* [polis] bahagian kawalan dia. Nak buat majlis ringkas sahaja, tapi berita sampai ke *puok* [kumpulan] dia *mari* [datang] tengok dulu. Majlis Daerah *mari* [datang] tengok *check* [periksa] habis dapur apa semua, pinggan makan.



**AD** : Allah, jadi leceh la pulak.

**UF** : Jadi leceh la, banyak kerja. Tengku Faris pernah mengaji dengan arwah, jadi dia datang masa arwah Tok Guru meninggal. Masa arwah meninggal dia *mari* [datang] sendiri naik hilux. Ana tiada lagi masa tu, Ustaz-ustaz lama yang cerita. Dia *mari* [datang] dengan hilux, ziarah Tok Guru meninggal. Selepas itu *bodyguard* [pengawal peribadi] dia *mari* [datang], terpaksa ikut.

**AD** : Jadi majlis besar ke Ustaz?

**UF** : Dia payah orang *gini* [macam ini], terikat dgn protokol. Nak pergi mana-mana terikat dengan protokol. Bagi dia, ana duduk dengar, dia baik dengan Dr. Luqman, dia rajin WhatsApp macam itu sahaja. Dia nak bebas, dia *toksey* [tak mahu] orang ikut-ikut, dia *toksey* [tak mahu]. Sebab itu kadang-kadang sembahyang subuh, dia jalan kaki sendiri, pergi sembahyang di Masjid Langgar, Masjid Telipot. Masa di Kuala Lumpur, naik sebagai Agong, kelam-kabut *bodyguard* [pengawal peribadi] *poklih* [polis] Kuala Lumpur. Dia jenis *low profile* [rendah diri]. Agong kita Tengku Faris ni, nak pergi sembahyang, dia pergi macam itu sahaja, pakai selipar jepun, jubah, *kelam kelibut* [kelam-kabut] *puak* [kumpulan] dia. Dia tak tahu lagi *lagu* [macam] mana Agong kita ni. Macam sini tahu dah macam mana perangai dia, sebab itu *relax* [berehat] sini.

**AD** : Kalau jadi *gapa-gapa* [apa-apa], *bodyguard* [pengawal peribadi] yang kena, padan dia *rusing*.

**UF** : Aah, macam itu la, kerja dia jugak. Allah (menguap).

**TAMAT BAHAGIAN 7**

## BAHAGIAN 8: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN.

- AD** : Banyak tak anugerah yang di terima sekolah ini?
- UF** : Tok Guru?
- AD** : Anugerah untuk sekolah ini?
- UF** : Pondok?
- NS** : Iya.
- UF** : Tiada. Tok Guru sahaja yang terima anugerah Tokoh Maal Hijrah dulu, selepas itu terima gelaran Datuk, pondok tiada.
- AD** : Dia tiada kategori pondok terbaik ke?
- UF** : Tiada.
- AD** : Kalau pelajar-pelajar? Tilawah atau Hafazan terbaik?
- UF** : Tiada, tak sampai peringkat itu.
- AD** : Pernah tak kalau media mari buat liputan berita?
- UF** : Banyak, Sinar, Berita *mari* [datang].
- AD** : Selalunya dia mari tu dia *cover* [liputan] cerita tentang apa?
- UF** : Macam-macam, cuma ana nak bagitau awal-awal, sebab pernah berlaku dia ambil *report* [laporan] lain, dia masuk berita benda lain pulak. Nak mari boleh tapi biar betul cerita yang saya *oyak* [cakap] dengan --- sebab tu

kadang-kadang dia *toksey* [tak mahu] mari *loni* [sekarang] sebab kita *oyak* [cakap] selalu.

**AD** : Kita *submit* [hantar] sekali *sound recording* [rakaman suara] ini, tak boleh *edit* [sunting] dah.

**UF** : *Hok* [yang] media ni, bukan awak (ketawa). Media mari macam awak ni la temu ramah begini, ambik gambar. Kita *oyak selalu* [cakap terus], nak mari boleh, tapi biar cerita sama *hok tubik* [yang keluar] mulut jangan reka-reka. Ni Cerita lain, *wak tubik* [bawa keluar] akhbar lain.

**AD** : Masalah fitnah pula.

**UF** : Baru ni pernah berlaku, dia nak cerita hal pondok, tapi dia tak buat Sekolah Pondok Lubuk Tapah, dia merangkumi semua pondok-pondok, cuma *hok tubik* [yang keluar] berita, masih banyak pondok di negeri Kelantan daif. Dia mari cerita pasal begini-begini, tapi *tubik* [keluar] cerita *go* [benda] lain.

**AD** : Jadi tak sedap la.

**UF** : *Ho* [iya], tak serupa *hok* [yang] dia tanya. Selepas itu temu ramah Dr Luqman kita serupa sebelum ni ada berlaku. Jadi kita *wi* [bagi] amaran. *Lani* [sekarang], 2-3 tahun sebelum ni, saya *oyak selalu* [cakap terus], *tubik* [keluar] cerita betul, awak nak tajuk *gapa* [apa], *wak tubik* [bawa keluar] tajuk tu la, jangan putar belit. *Lani* [sekarang] media putar belit, jadi pening orang *baloh* [bergaduh] habis, tengok parti. Kadang-kadang media ni lain.

- AD** : **Dia nak bagi laku dia punya berita.**
- UF** : Dia nak mengapi-apikan, pandai media ni. Dia pergi tanya *kawe* [orang] ni *hok* [yang] tengah marah *kawe* [orang] tu, dia pergi *tanyo pisoh* [sahaja tanya] .*Loni* [sekarang] contoh orang duduk kata pondok tiada kerja apa semua, dia pandai mari pondok ini memang tiada kerja.
- AD** : **Selepas itu *hok* [yang] lain pun memikirkan bukan-bukan.**
- UF** : Media pandai.
- AD** : **Tiada masa depan dia *oyak dok* [cakap kan]?**
- UF** : *Hok* [yang] pondok tiada masa depan.

**TAMAT BAHAGIAN 8**

## BAHAGIAN 9 : PESANAN DAN HARAPAN

**AD** : **Apakah harapan Ustaz terhadap sekolah ini kepada negeri Kelantan?**

**UF** : Kita minta la supaya kekal la Pondok Lubuk Tapah ini sampai ke generasi cucu- cicit kita *hok* [yang] akan datang. Maknanya ada lagi walaupun kita tiada, tapi generasi pelapis tu ada dan akan lahir bakal-bakal ulama. Itu harapan, sebabnya begini, ceritanya banyak pondok *hok* [yang] mati masalahnya, daripada beratus buah pondok di Kelantan ni *loni* [sekarang] tinggal *tiga puluh* [30].

**NS** : **Sebab tiada pelapis?**

**UF** : Mati Tok Guru, mati pondok, kalau awak perhatikan.

**AD** : **Tiada pelapis nak hidupkan pondok?**

**UF** : Jadi kita harap, sebab tu kita tarbiayah budak kita ni, biar jadi alim ulama, biar ada *loni* [sekarang] jadi Tok Guru, kita latih dia untuk akan datang.

**AD** : **Apakah penambahbaikan yang Ustaz harap untuk dipertingkat di sekolah ini?**

**UF** : Dari segi kemudahan pengajian, kita ni memang cara pengajian kekal lagi, tradisional, mathurat dia panggil, mengaji kitab Al-Quran. Sistem pengajian pun tradisional, mengaji kulit ke kulit. Cuma dari segi kemudahan pemodenan *hok* [yang] ada *lani* [sekarang], kita boleh guna boleh manfaat sistem ini untuk pengajaran kita. Macam ada LCD, sistem pembesar suara *hok* [yang] molek la, selepas itu dari segi dalam kelas, *hok molek* [yang elok] la bagi keselesaan pelajar la, ada *aircond* [penghawa dingin].

**AD** : **Ada komputer ke?**

UF : Komputer tak boleh rasa, komputer tak berapa setuju sebabnya kita tiada bidang-bidang akademik kitanya, untuk khursus komputer tu boleh buat la, tapi kita kena cari institusi luar la untuk bagi latihan kepada pelajar-pelajar kita. Cuma kita nak buat kelas komputer kat sini tak berapa *molek* [elok]. Bincang dah dahulu dalam mesyurat, tak *molek* [elok] sebab salah guna, kita pun *molek* [elok] ajar cara menaip.

**AD** : **Takut salah guna?**

UF : Takut ada mudarat dia la.

**AD** : **Kalau *telephone* [telefon bimbit] dah tak bagi, laptop apa ntah lagi?**

UF : Benda-benda dunia ni kita bagi tapi tak kuat lah, sebab kena tengok keadaan budak *loni* [sekarang] jugak. Budak *loni* [sekarang] Allah, cukup-cukup ---. Budak sekolah rendah ada *so* [satu] sorang ni (tunjuk phone), tiada *goni* [benda ini] *toksey* [tak mahu] pergi sekolah, tiada WhatsApp, internet, Google, *game* [permainan]. Jadi kalau kita tak *wi* [bagi] sangat tak boleh juga, pendedahan budak dari awal, sebelum pergi pondok dah kenal, macam mana benda-benda macam ini nak masuk dalam kepala. Kita bagi tapi tak kuat la hal dunia. Baru ni kita ada bekerjasama dengan Kolej Komuniti, dia nak buat kursus-kursus, termasuk kemahiran dengan komputer, untuk pelajar-pelajar. Dia nak ajar dan kita setuju. Cumanya kalau nak buat bilik komputer kita tak setuju di sini, sebabnya ada keburukan dari segi *hok* [yang] jaga tiada, selepas itu *maintance* [selenggara] pula.

**AD : Tiada technichian *hok* [yang] mampu?**

UF : Tidak ada yang mampu la.

**AD : Kena jaga pula.**

UF : *Ho* [iya] kena jaga, budak masuk kena tengok, kita kena *monitor* [awasi] tengok, lama bukak *gho* [benda] lain, *hok* [yang] itu masalahnya, mudarat dari situ, tak mampu kita.

**AD : Tak tengok kitab dah la selepas itu.**

UF : *Ho* [iya] takut lebih ke situ. *Loni* [sekarang] nak cerita, masalah budak *loni* [sekarang], semua pondok duduk *bual-bual* [bercerita], duduk bincang dengan guru-guru, Ustaz-ustaz sekolah lain, hilang kitab tak *gegey* [bising], satu asrama tak *gegey* [bising], hilang? Hilang la. Ni hilang (telefon bimbit) *gegey* [bising] satu asrama. *Telephone* [telefon bimbit] aku hilang” buat *spotcheck* [pemeriksaan]. Duduk mana *polo otak* [otak] kita, boleh *mahasabah* [muhasabah] sendiri la.

**AD : Betul dah, tu bagi *telephone* [telefon bimbit] kecil, kalau hilang tak bising sangat.**

UF : Pelajar *loni*, hilang *telephone* [telefon bimbit] *gegey* [bising], *takdok* [tiada] *telephone* [telefon bimbit] *toksey* [tak mahu] pergi kelas, toksey mari pondok. Ada mok pok Cerita sini. “Abe, nak g teksey ni?” “*Toksey* [tak mahu], nak *telephone* [telefon bimbit]” beli *telephone* [telefon bimbit] baru pergi pondok.

**AD** : **Mari pondok *telephone* [telefon bimbit] kena rampas pula.**  
**UF** : Dia ada di rumah la, kadang-kadang letak rumah, kadang-kadang dia curi-curi bawa *mari* [datang] ke sini, *telephone* [telefon bimbit], serah *so* [satu] ada *so* [satu] lagi, kalah kita, kita ada *so* [satu], dia ada *tiga hingga dua* [3/2] telefon.

**AD** : **Satu buat-buat hantar sini la.**  
**UF** : Awak pergi cari, tanya-tanya khabar, tempat mengaji lain, budak-budak zaman *loni* [sekarang]. Budak-budak kecil *loni* [sekarang] umur 7-6 tahun, berebut dengan ayah, tengok YouTube.

**AD** : **Termasuk anak Ustaz?**  
**UF** : Termasuk anak saya sendiri (ketawa) kadang-kadang *serabut perut* [rimas].

**AD** : **Main *game* [permainan]?**  
**UF** : Bila *kelik* [balik] rumah tu beringat dah, letak *telephone* [telefon bimbit] dalam poket baju [ ] tambah-tambah hari sabtu hari jumaat, hari tak sekolah, bosan.

**AD** : ***Takleh* [tidak dapat], *jerit* [menangis] pula?**  
**UF** : *Takleh* [tidak dapat] *jerit* [menangis] la, pendedahan dari awal lagi daripada sebelum masuk pondok lagi dia di dedahkan, jarang la nak jumpa *hok toksey* [yang tidak mahu] betul *goni* [benda], *hok* [yang] mari pondok betul-betul zuhud, umur tiga belas [13] zuhud dah, jarang nak jumpa. Ada tapi tak banyak la seorang dua, kebanyakannya dah di dedahkan dengan dunia hari



ini. Sebab itu kalau banyak dosa tu, mengaji tak masuk, mengaji hadis mengaji quran tak masuk, hafal tak lekat. Sebab hati, jiwa kotor. Macam mana benda bersih kena duduk tempat bersih, Al-Quran bersih kena duduk tempat bersih, jiwa kena bersih, macam mana nak lekat kalau tak bersih? Segala ilmu la, kalau kita jiwa kotor, tak berkat la, betul? itu point dia.

**AD : Pesanan Ustaz untuk orang awam mengenai sekolah pondok?**

UF : Kena pandang positif la sekolah pondok ini, pondok ini la menjamin kehidupan kita, macam ---Bila selamat *kot* [di] dunia selamat akhirat. Macam kita duduk di pondok macam dalam pagar, pondok ini la pagar benda-benda maksiat tiada, duduk dalam keadaan majlis ilmu *sokmo* [selalu], duduk dalam sembahyang jemaah, dalam majlis ilmu. Bila kita duduk dalam pagar Allah ni selamat la kita. Jadi orang luar ni pandang positif, pondok ini memberi kepercayaan kepada anak-anak kita, waris-waris kita, sebab selamat dunia, selamat akhirat, nak selamat dunia tu *gano* [macam mana]?

**AD : Kena jaga akhirat?**

UF : *Ho* [iya] kena jaga akhirat, mengaji tinggi tak sembahyang, ramai, *toksoh* [tak perlu] *oyak* [cakap], dia akan jatuh juga.

**AD** : **Dunia memang selamat, esok tu? Seterusnya, Apakah harapan Ustaz terhadap sambutan masyarakat di Kelantan terhadap sekolah pondok ini?**

**UF** : Mengalakan, *lani* [sekarang] pendedahan banyak dengan WhatsApp, Facebook bercerita hal pondok ni, jadi kesedaran ramai banyak la ana tengok tak serupa dahulu, mari “Ustaz nak daftar anak”.

**AD** : **Ustaz ada tanya mereka tahu dari mana?**

**UF** : Tidak, dia mari dari sumber-sumber ni la orang *kecek* [cakap], tanya-tanya orang.

**AD** : **Apakah nasihat Ustaz terhadap sekolah pondok lain tentang pengurusan sekolah pondok?**

**UF** : Supaya lebih berkerjasama, berganding bahu memertabatkan institusi pondok. Jadi macam contoh *pesantren* [pondok] di Indonesia kan, hebat pondok dia, tak serupa dengan kita, *pesantren* [pondok] dia lebih utama dari sekolah di Indonesia. Saya melawat sendiri, jumlah pelajar tu lebih ramai di *pesantren* [pondok] pada di sekolah, satu *pesantren* [pondok] 6 ribu.

**AD** : **Uish, ramai (terkejut).**

**UF** : Sekolah *satu ribu* [1000] jah [sahaja] ada, maknanya orang lebih nampak pondok di Indonesia. Indonesia lebih maju dari kita, lebih dia dari kita Indonesia ini. Indonesia ni kedepan dari kita, tokoh-tokoh ulama pun banyak lahir dari tempat dia, habib-habib , Habib Ali Zainal Abidin dari tempat dia.

- AD** : **Wali Songo?**
- UF** : Asal dari kelantan, Bukit Tanah Merah, Tanah Merah tu ada satu makam dia panggil namo gapa --- Wali Songo ni beguru dengan dia, di Bukit Tanah Merah, Bukit Badenganu. Jadi lepas duduk di Tanah Merah, dia pergi jalan berhijrah ke Indonesia.
- AD** : **Saya pergi Indonesia hari itu, selepas itu pemandu pelancong tu tunjuk tempat Wali Songo, macam makam memang ramai pergi ziarah.**
- UF** : Memang ramai la?
- AD** : **Duduk minta macam-macam doa di situ.**
- UF** : Indonesia ni maju, *hok* [yang] baik pun dia maju, *hok* [yang] buruk pun dia maju, macam-macam, ilmu sesat, ilmu batin.
- AD** : ***Hok* [yang] Islam kahwin dengan Kristian pun ada, dengar khabar macam itu.**
- UF** : Kita dari segi ilmu *hok* [yang] baik ni boleh contohi dia la.
- AD** : **Seterusnya, apakah nasihat Ustaz terhadap sekolah agama/sekolah pondok yang masih tidak mendapat sambutan ramai?**
- UF** : Dia *laguni* [macam ini], nasihat tu, *hok* [yang] tiada sambutan? Dia kadang-kadang macam *loni* [sekarang] kita teknolgi *hok* [yang] ada *loni* [sekarang] ni, macam Facebook, WhatsApp kita kena aktif la, sebar-sebar. Contoh macam pondok kita ni buat Daurah Ramadhan , kita *oyak* [cakap] kepada

orang ramai, *oyak* [cakap] melalui WhatsApp, melalui Facebook, Pondok Lubuk Tabah ada Daurah Ramadhan.

**AD : Kira promosi la tu?**

UF : Hoo macam promosi. Loni ----

**AD : Teknologi ada.**

UF : Teknologi ada kita kena guna la manfaat la, baru la orang bertambah ni orang tak tahu ni gapa dia pondok? Ada mari hari itu, *gapa* [apa] dia pondok?

**AD : Tak tahu *gapa* [apa] itu pondok?**

UF : Tak sampai ke dia.

**AD : Pelik tu?**

UF : Pelik la.

**AD : Apakah yang ustaz rasa perlu ada di sekolah pondok untuk menarik orang ramai mendaftar sebagai pelajar?**

UF : Kita ni – tarikan tu *supo* [serupa] dulu lagi la, tarikan sistem mengaji *supo* [serupa] dulu lagi, mengaji kitab-kitab kuning, kitab taurat, cumanya kita ambik peluang masa cuti-cuti sekolah kita buat kem, kita umum kepada orang ramai ada kem cuti sekolah, kita buat daurah ramadhan, ada kelas-kelas sheik2 daurah *hok* [yang] lain-lain kita *oyak* [cakap] ke orang ramai tu sebahagian dari tarikan la suruh orang mari.

**AD : Tempat saya ada sekolah pondok jugak, Pondok Pakteh.**

**UF : Di Kenerong?**

**AD : Di Pengkalan Hulu. Di situ dia memang pondok dia akan letak suruh budak tidur.**

**TAMAT BAHAGIAN 9**

## **Penutup**

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai Madrasah Arrahmahniah Ad Dinniah, Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas Kelantan bersama Ustaz Faizal bin Jusoh, kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah di harapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu kepada para penyelidik pada masa akan datang, Sekian Terima kasih.**

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 1

### LOG WAWANCARA

Alif Daniel dan Naif Syahmi menemubual Ustaz Faizal bin Jusoh yang dilahirkan pada 1982 di Kota Bharu, Kelantan. Temubual dijalankan di pejabat bejabat beliau Sekolah Pondok Tapah, Pasir Mas, Kelantan. Temubual ini berkisarkan tentang sejarah bangunan Sekolah Pondok Tapah yang di asaskan sejak 1931.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
00.12	Latar belakang tokoh	1. Muhammad Faizal bin Jusoh. 2. lahir di Melor Kota Bharu
1.41	Ahli keluarga	1. Azizah binti Mohamed (Ibu) 2. Jusoh bin Muhammad (bapa) 3. Anak ke dua dari 6 adik beradk
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
2.17	Sekolah rendah dan sekolah menengah	1. Sekolah Kebangsaan Melor 2. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Melor 3. Sekolah Menengah Teknik Kuala Krai



<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA TERKINI</b>		
<b>3.49</b>	<b>Jawatan Ustaz</b>	<b>1. pembantu tadbir dan tenaga pengajar.</b>
<b>8.11</b>	<b>ustaz mula bekerja di sini?</b>	<b>1. 2010</b>
<b>BAHAGIAN 4: SEJARAH BANGUNAN</b>		
<b>12.53</b>	<b>Nama asal madrasah</b>	<b>1. Pondok Lubuk Tapah</b>
<b>13.44</b>	<b>Nama Madrasah Annahiya</b>	<b>1. Diberi melalui keputusan mesyuarat.</b>
<b>14.37</b>	<b>Tahun pondok ditubuhkan</b>	<b>1. 1932</b>
<b>27.35</b>	<b>Pengasas utama sekolah ini</b>	<b>1. Tuan Guru Haji Abdullah</b>
<b>34.20</b>	<b>Sebab utama memilih kawasan ini</b>	<b>1. tanah wakaf ayah Tok Guru</b>
<b>BAHAGIAN 5: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN</b>		
<b>37.29</b>	<b>Purata kos pembayaran elektrik setiap bulan</b>	<b>1. 10 ribu</b>
<b>38.44</b>	<b>Jumlah pengurusan majlis tertinggi</b>	<b>1. Haji Luqman 2. Ustaz Hamdan 3. Mudirah Hajah Kamariah 4. Ustaz Faizal</b>
<b>43.25</b>	<b>Jumlah tenaga pengajar</b>	<b>1. 33</b>

52.30	Hubungan dengan pondok-pondok luar Negara	1. Dari Thailand.
57.04	Sekolah ditimpa bencana alam	1. 2010 2. 2014
1.02.44	Mengalami kerugian selain bencana alam	1. Kebakaran
<b>BAHAGIAN 6: REKA BENTUK BANGUNAN</b>		
1.07.20	Idea asal reka bentuk bangunan ini	1. Arwah Tok Guru dan Umi
1.08.31	keistimewaan reka bentuk bangunan ini	1. Segala kemudahan dekat dengan pelajar
<b>BAHAGIAN 7: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN</b>		
1.09.07	Aktiviti dan perkhidmatan yang ssering dilakukan	1. Mengaji 2. Tak galakkan bersukan
1.16.23	Kesalahan disiplin	1. Dipaksa pulang
1.18.28	Membersihkan kawasan pondok	1. Pelajar dan tenaga pengajar
1.22.07	Menjana pendapatan	1. Sumbangan 2. Jualan kitab 3. Perniagaan
<b>BAHAGIAN 8: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN</b>		
1.41.05	Anugerah yang diterima	1. Tiada
1.41.38	Liputan media	1. Sinar
<b>BAHAGIAN 9 : PESANAN DAN HARAPAN</b>		
1.44.24	Harapan ustaz	1. Kekal sepanjang zaman 2. Makin dikenali ramai

## LAMPIRAN 2

## DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	PERKARA	TINDAKAN
2 MEI 2019	10.00 Pagi	Pergi ke tempat kajian	Kami pergi ke Sekolah Pondok Lubuk Tapah setelah menjalankan sedikit kajian mengenai sejarah sekolah tersebut. Kami mengambil keputusan untuk terus ke sana tanpa membuat panggilan telefon kerana tiada maklumat untuk dihubungi.
2 MEI 2019	1 Tengah Hari	Menyediakan soalan temuramah	Setelah mendapat persetujuan bersama Ustaz Mohd Faizal mengenai tarikh untuk di menjalankan sesi temuramah bersama beliau, kami segera merangka soalan
5 MEI 2019	9.00 Pagi	Menjalankan sesi temuramah	Sesi temuramah ini berlangsung selama 4 jam oleh kerana ustaz MohdFaizal mempunyai pelbagai tugas lain sewaktu sesi temuramah berlangsung.

## LAMPIRAN 3

### SOALAN-SOALAN TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

#### Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh

1. Nama penuh ustaz?
2. Ustaz lahir di mana?
3. Adakah ustaz mempunyai nama gelaran?
4. Pada bulan dan tahu berapakah ustaz dilahirkan?
5. Di manakah ustaz dibesarkan?
6. Di manakah ustaz menetap sekarang?
7. Nama ibu dan bapa ustaz?
8. Berapakah bilangan adik-beradik ustaz?

#### Bahagian 2: Sejarah Pendidikan

1. Di manakah ustaz bersekolah rendah?
2. Di manakah ustaz bersekolah menengah?

#### Bahagian 3: Kerjaya Terkini

1. Apakah jawatan yang disandang oleh ustaz?
2. Subjek khusus yang ustaz mengajar?
3. Bilakah ustaz mula bekerja di sini?
4. Adakah ustaz mempunyai kerja lain selain di sini?
5. Bagaimana ustaz boleh terlibat dengan pondok ini?

#### Bahagian 4: Sejarah Bangunan

1. Apakah nama asal madrasah ni?
2. Siapakah yang memberi nama Madrasah Annahiya?
3. Ustaz tahu maksud Madrasah Arrahmaniah?

4. Bilakah pondok ini ditubuhkan?
5. Tujuan sekolah pondok ditubuhkan?
6. Dimanakah lokasi sebenar sekolah ini?
7. Bilakah perletakkan batu asas?
8. Bilakah sekolah ini berpindah lokasi?
9. Pondok Lubuk Tapah berada di bawah naungan siapa?
10. Berapakah keluasan tapak sekolah ini?
11. Adakah ada had umur untuk belajar di sini?
12. Sebab utama berlaku perpindahan lokasi?
13. Asrama lelaki boleh muatkan berapa jumlah pelajar?
14. Asrama wanita boleh muatkan berapa jumlah pelajar?
15. Apakah objektif sekolah ini?
16. Sebab apa memilih kawasan ini?
17. Berapa lama masa diambil untuk siapkan sekolah ini?
18. Adakah terdapat sebarang masalah semasa penubuhan sekolah ini?

#### Bahagian 5: Maklumat Lain Mengenai Bangunan

1. Berapakah bilangan bilik darjah terdapat di sekolah ni?
2. Berapakah purata kos pembayaran elektrik setiap bulan?
3. Berapakah bilangan pengurusan majlis tertinggi di sekolah ini?
4. Sekolah ini cuti pada hari apa?
5. Berapa ramai tenaga pengajar di sini?
6. Pelajar luar negara ada ke ustaz?
7. Adakah terdapat hubungan dengan pondok-pondok di luar negara?
8. Pondok ini mengetuai pondok-pondok lain?
9. Pihak sekolah ada menerima kunjungan dari pihak luar?
10. Ziarah biasanya datang dari mana?
11. Antara orang kenamaan ke yang datang ke sini?
12. Pernahkah berlaku kes penggelapan duit, pecah amanah?
13. Apakah keistimewaan reka bentuk bangunan ini?
14. Kalau tamat belajar di sini, sijil apa yang dia dapat?
15. Kalau macam ada kesalahan disiplin, adakah terdapat tindakan-tindakan diambil?

16. Waktu had masuk dan keluar?
17. Jumlah yuran belajar?
18. Anggaran setahun ada berapa kali kunjungan?
19. Semasa ziarah aktiviti apa yang dibuat?
20. Pernah tak sekolah ini ditimpa bencana alam?
21. Pernah tak sekolah ini mengalami kerugian selain bencana alam? Contohnya kebakaran?
22. Pernah tak sekolah ini dipecah masuk?

#### Bahagian 6: Reka Bentuk Bangunan

1. Asal reka bentuk bangunan ni memang asal begini ke ada ubah suai?
2. Rekaan sekolah ini tersendiri ke ikut contoh pondok lain?
3. Pada pendapat Ustaz, apakah keistimewaan reka bentuk bangunan ini?

#### Bahagian 7: Aktiviti Dan Perkhidmatan

1. Aktiviti yang selalu diadakan di sekolah ni? Wajib ada?
2. Selain mengajar, perkhidmatan lain yang ada di sekolah ini?
3. Bagaimana sekolah pondok ini menjana pendapatan?
4. Antara Raja, kerabat-kerabat yang kunjung di sini?

#### Bahagian 8: Maklumat Penganugerahan Dan Kejayaan

1. Banyak tak anugerah yang di terima sekolah ini?
2. Pernah tak kalau media mari buat liputan berita?

#### Bahagian 9: Pesanan Dan Harapan

1. Apakah harapan Ustaz terhadap sekolah ini kepada negeri Kelantan?
2. Apakah penambahbaikan yang Ustaz harap untuk dipertingkatkan di sekolah ini?
3. Pesanan Ustaz untuk orang awam mengenai sekolah pondok?
4. Apakah nasihat Ustaz terhadap sekolah pondok lain tentang pengurusan sekolah pondok?
5. Apakah nasihat Ustaz terhadap sekolah agama/sekolah pondok yang masih tidak mendapat sambutan ramai?

6. Apakah yang ustaz rasa perlu ada di sekolah pondok untuk menarik orang ramai mendaftar sebagai pelajar?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

  
.....  
Pengkisah (Tokoh)

  
.....  
Prof. Madya Dr. Hj. Ghazali Osman,  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Fakulti Sains Pentadbiran dan  
Pengajian Polisi & Fakulti Undang-  
Undang, UiTM Caw. Kelantan



LAMPIRAN 4

**GAMBAR BERSAMA TOKOH**



## **RUJUKAN**

Faizal Jusoh (2019, Mei 5). Personal Interview.

Kepentingan Sejarah Lisan. (n.d.). Retrieved June 10, 2019, from  
<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

## INDEKS

<p><i>alih</i> [ubah], 22</p> <p><i>ana</i> [saya], 5</p> <p><i>balasoh</i> [surau], 7</p> <p><i>baloh</i> [bergaduh], 38</p> <p><i>basic</i> [asas], 5</p> <p><i>beranak</i> [dilahirkan], 2</p> <p><i>blako</i> [semua], 24</p> <p><i>buwi</i> [bagi], 9</p> <p><i>gati</i> [ganti], 15</p> <p><i>gegey</i> [bising], 48</p> <p><i>gorib</i> [maghrib], 22</p> <p><i>hom</i> [iya], 5</p> <p><i>huk</i> [yang], 6</p> <p><i>ime</i> [imam], 17</p> <p><i>info</i> [maklumat], 8</p> <p><i>jate</i> [elaki], 26</p> <p><i>kelamin</i> [keluarga], 2</p> <p><i>koho berat</i> [makin teruk], 23</p> <p><i>kure</i> [kurang], 8</p> <p><i>lebai</i> [imam], 9</p> <p><i>lembek</i> [lembik], 20</p> <p><i>litah</i> [lintas], 20</p> <p><i>loni</i> [sekarang], 10</p> <p><i>mapuh</i> [mati], 22</p> <p><i>mari kot nu</i> [di sana], 23</p> <p><i>melaghokan</i> [melalaikan], 27</p>	<p><i>mok-mok</i> [ibu-ibu], 21</p> <p><i>mugo</i> [sebab], 13</p> <p><i>pade</i> [padan], 16</p> <p><i>pahtu</i> [selepas itu], 4</p> <p><i>panah</i> [masak], 22</p> <p><i>panic</i> [cemas], 21</p> <p><i>pitih</i> [duit], 24</p> <p><i>pue</i> [perempuan], 10</p> <p><i>rato-rato</i> [merata-rata], 16</p> <p><i>saen</i> [kawan], 11</p> <p><i>sakni</i> [tadi], 22</p> <p><i>sekat</i> [setakat], 19</p> <p><i>selut</i> [lumpur], 20</p> <p><i>sohor</i> [terkenal], 39</p> <p><i>so</i> [satu], 23</p> <p><i>start</i> [mula], 7</p> <p><i>talipon</i> [telefon], 24</p> <p><i>tokde</i> [tak], 10</p> <p><i>tok lari</i> [tidak meninggalkan], 20</p> <p><i>tok nye</i> [moyang], 11</p>
--	--